

Ketepi perbezaan pendapat demi tunai tanggungjawab

PM gesa penjawat awam terus fokus, ikhlas tunai tugas untuk manfaat semua pihak

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penjawat awam masih mempunyai tugas dan tanggungjawab melaksanakan semua dasar dan inisiatif kerajaan supaya dapat dimanfaatkan golongan sasaran biarpun berdepan kecaman, selain ada perbezaan pendapat dalam kalangan mereka, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ketika ini ada 167 inisiatif baharu untuk rakyat, namun ada kalanya ia tidak sampai kepada golongan sasaran.

Beliau berkata, situasi itu membuatkan kerajaan terpaksa berdepan dengan perasaan tidak puas hati dan kemarahan dalam kalangan rakyat.

"Saya bincang tadi dengan Datuk Seri Zahid (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) dan Datuk Seri Fadillah (Datuk Seri Fadillah Yusof), saya dengar dalam forum tadi, Datuk Zahid kata ada 140 ikhtiar untuk inisiatif baharu.

"Sebenarnya, kalau kita kira (ada) 167, tetapi tidak sampai kadang-kadang kepada khalayak.

"Yang sampai itu hanya sampah dan sumpah serta maki hamun kerana dalam negara de-



Anwar bersama Ahmad Zahid, Fadillah dan Shamsul Azry serta tetamu pada majlis penutup Program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku di Dataran Putrajaya, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

mokrasi dan bebas dan (ada) media sosial, itu digunakan tidak untuk membina, tetapi untuk menghina," katanya ketika menyampaikan ucap-tama pada program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku, di Dataran Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abd Aziz.

Justeru, Perdana Menteri memohon walaupun wujud perbezaan pendapat dalam kalangan penjawat awam, tugas mereka adalah untuk menyampaikan segala yang dirancang dan dilak-

sanakan kerajaan.

Pada masa sama, Anwar berkata, kerajaan bersedia menerima teguran dan cadangan untuk penambahbaikan.

"Sebab itu, saya minta dan mohon pimpinan politik serta penjawat awam dan masyarakat umumnya, beri ruang untuk mendengar dan menegur untuk kita perbaiki," katanya.

Iktiraf jasa kakitangan awam

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengiktiraf barisan Jemaah Menteri serta kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam yang membantu pentadbirannya merangka dasar yang membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Anwar berkata, kejayaan satu-satu usaha dilaksanakan bu-

kan hanya diukur melalui pertumbuhan negara, malah turut mengambil kira kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

"Saya ucapkan penghargaan kerana majoriti besar rakyat memilih untuk menjaga kaum mereka dalam konteks negara, menjaga negeri mereka dalam konteks negara Malaysia dan tidak melihatnya dari segi corong yang sempit yang akan mengundang perpecahan dan malapetaka," katanya.

Program Rancangan MADANI selamat tiga hari bermula Jumaat adalah kesinambungan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI dan Program Dua Tahun Kerajaan MADANI yang menjadi tradisi pelaporan tahunan kerajaan secara langsung kepada rakyat.